

## Penggubalan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis ke atas Kekaburan Bidang kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri

*Enactment of Syariah Criminal Legislation in Malaysia: Analysis of the Ambiguity of the Parliamentary Jurisdiction and the State Legislature Assembly*

NUR AIN MOHD SABIRIN, AHMAD AZAM MOHD SHARIFF &  
MOHAMAD AZHAN YAHYA

### ABSTRAK

Keperluan mendesak untuk membendung aktiviti jenayah syariah yang berlaku dalam masyarakat tidak dapat dinafikan. Bagi memenuhi tujuan tersebut, perundangan jenayah syariah Malaysia digubal oleh Dewan Undangan Negeri. Proses penguatkuasaannya haruslah menuruti prinsip keadilan yang telah ditetapkan. Namun, autoriti penggubalan yang diberikan tertakluk kepada doktrin pengasingan kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri. Walaupun pembahagian kuasa telah dinyatakan, parameter bidang kuasa Badan Legislatif Negeri untuk menggubal perundangan berkaitan kesalahan jenayah syariah dilihat masih kabur. Justeru, penulisan ini menganalisis beberapa perundangan di Malaysia berkaitan bidang kuasa penggubalan kesalahan jenayah syariah oleh Dewan Undangan Negeri. Penekanan turut diberikan terhadap prinsip syariah yang relevan dalam konteks penulisan ini. Penulisan ini juga mengenal pasti implikasi yang timbul daripada kekaburan had bidang kuasa Badan Legislatif Negeri dalam menggubal peruntukan kesalahan jenayah syariah. Cadangan penambahbaikan perundangan turut disertakan dalam usaha memperjelaskan had bidang kuasa Badan Legislatif Negeri. Dengan menggunakan kaedah penyelidikan secara doktrin, kesemua data berkaitan had bidang kuasa Badan Legislatif Negeri dalam penggubalan kesalahan jenayah syariah dianalisis secara kualitatif dan kritis. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membuat pindaan dan penyelarasan terhadap beberapa peruntukan perundangan yang memberi kuasa kepada Badan Legislatif Negeri untuk menggubal peruntukan berkaitan kesalahan jenayah syariah. Tuntasnya, kekaburan had bidang kuasa Dewan Undangan Negeri perlu diperjelaskan agar peruntukan jenayah syariah dapat terus dilindungi daripada terus dicabar di masa akan datang.

Kata kunci: kekaburan bidang kuasa, Perlembagaan Persekutuan, Dewan Undangan Negeri, enakmen kesalahan jenayah syariah, prinsip syariah

### ABSTRACT

The overwhelming need to curb syariah criminal activities in the society can never be denied. For this purpose, Malaysian syariah criminal legislation is legislated by the State Legislative Assembly. Its enforcement process should adhere to the stipulated principles of justice. However, the given legislative authority is subjected to the doctrine of separation of powers between the Federal and state governments. Despite the outlined divisional powers, the parameter of the jurisdiction of the state legislative assembly in enacting provisions on syariah criminal offences remains vague. Therefore, this writing analyzes several legal provisions in Malaysia relating to the enactment jurisdiction of syariah criminal offences by the State Legislative Assembly. Emphasis is simultaneously given on relevant syariah principles in this context. This writing also identifies implications arising from the ambiguity of the jurisdictional limits of the state legislative assembly in enacting provisions on syariah criminal offences. Proposals for legal amendments are also made in the effort of clarifying jurisdictional limits of the state legislative assembly. By utilizing doctrinal method, all data related to the jurisdictional limits of the state legislative assembly in enacting syariah criminal offences is analyzed qualitatively and critically. The finding of this study indicates that there is a need to amend and harmonize certain legal provisions empowering the state legislative body to enact provisions related to syariah criminal offences. Ultimately, there is a need to clarify the ambiguity of the jurisdictional limits of the State Legislative Assembly in safeguarding syariah criminal provisions from being constantly challenged in the future.

Key words: ambiguity in jurisdictional power, Federal Constitution, State Legislative Assembly, syariah criminal offence Enactment, syariah principles

## PENGENALAN

Konsep jenayah menurut perspektif Islam boleh dilihat sebagai melakukan satu perbuatan atau tindakan yang dilarang dalam Islam, sama ada tindakan itu dilakukan ke atas badan, harta atau sebagainya (Ahmad Fathi Bahnasi 1991; Muhammad Fathi Yusof et. al. 2014; Abdul Qader Audah 1986). Dalam erti kata lain, jenayah dalam Islam merujuk kepada tindakan seseorang individu melakukan perkara yang telah dilarang oleh syarak atau meninggalkan suruhanNya. Ibn Farhun, seorang ulama' Mazhab Maliki berpandangan bahawa perbuatan jenayah merujuk kepada apa sahaja tindakan yang mewajibkan pembalasan had atau qisas dan ia meliputi jenayah terhadap nyawa, akal fikiran, harta benda, keturunan dan kehormatan (Mat Saad Abd. Rahman 1993). Lantaran itu, Al-Mawardi seorang ulama' Mazhab Shafi'i menyimpulkan pandangan pelbagai ulama' sunni bahawa perbuatan jenayah seseorang individu itu merujuk kepada satu tindakan yang salah di sisi syarak dan wajar untuk dijatuhkan hukuman ke atasnya sama ada melalui hukuman hudud atau qisas yang telah ditetapkan oleh Allah ataupun hukuman berbentuk takzir (Anwarullah 2021).

Di Malaysia, kesalahan jenayah Syariah telah dikodifikasikan dalam satu bentuk perundangan yang dinamakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri yang bertindak sebagai Badan Legislatif Negeri. Hanya Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 sahaja digubal oleh Parlimen yang mana mempunyai kuasa undang-undang yang sama dengan enakmen syariah negeri lain. Dalam erti kata lain, ia hanya dikuatkuasakan dalam wilayah-wilayah persekutuan sahaja. Manakala bagi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri lain, Dewan Undangan Negeri (DUN) telah diberikan kuasa untuk menggubal perundangan berkaitan kesalahan jenayah Syariah seperti yang telah digariskan dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri (Perlembagaan Persekutuan, 1996). Namun, autoriti yang telah diberikan adalah tertakluk kepada doktrin pengasingan kuasa antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Ini dapat dilihat melalui Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri yang menggariskan bahawa dalam hal penggubalan undang-undang termasuk undang-undang jenayah, kedua-dua Parlimen dan DUN mempunyai bidang kuasa masing-masing yang tersendiri.

Secara asasnya, perlu difahami dengan baik bahawa doktrin pengasingan kuasa di bawah Perkara 74 dalam hal penggubalan undang-undang umumnya serta undang-undang jenayah khususnya adalah berdiri di atas beberapa prinsip. Pertama, Parlimen sebagai badan legislatif di peringkat Persekutuan mempunyai bidang kuasa undang-undang (termasuk undang-undang jenayah) yang lebih luas daripada Dewan Undangan Negeri. Kedua, segala undang-undang yang digubal oleh Parlimen adalah lebih tinggi kuasanya berbanding di peringkat Dewan Undangan Negeri. Ketiga, mana-mana peruntukan undang-undang yang digubal serta diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri bercanggah dengan mana-mana undang-undang persekutuan terbatal seperti yang termaktub dalam Perkara 75.

Objektif utama doktrin pengasingan kuasa adalah untuk memastikan Parlimen mahupun Badan Legislatif Negeri tidak menggubal undang-undang di luar daripada skop yang telah dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Namun, realiti dunia perundangan hari ini adalah, terdapat beberapa peruntukan jenayah Syariah di peringkat negeri dilihat bertindan dengan kuasa perundangan jenayah yang diberikan kepada Parlimen. Antara faktor yang menjadi punca kepada pertembungan bidang kuasa ini adalah apabila terdapat kekaburan dalam Perlembagaan Persekutuan bagi menentukan had bidang kuasa masing-masing. Kesannya, wujud usaha daripada pihak-pihak yang berkepentingan untuk mencabar keabsahan perundangan jenayah Syariah dengan berpaksikan kepada faktor tidak berperlembagaan. Dalam erti kata lain, perundangan jenayah Syariah hari ini sering dicabar atas faktor

ia dianggap bercanggah atau bertindan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan serta mana-mana peruntukan di bawah undang-undang jenayah persekutuan.

## ISU DAN PERMASALAHAN

Jadual Kesembilan di bawah Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri telah menggariskan bidang kuasa Parlimen dan Negeri dalam menggubal undang-undang. Secara jelas ia menentukan takat bidang kuasa persekutuan dan negeri. Namun, masih wujud kekaburan dalam menentukan had bidang kuasa Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang khususnya berkaitan kesalahan jenayah syariah. Implikasinya, ia telah menimbulkan pelbagai polemik dan perdebatan dalam kalangan para pengamal undang-undang serta ahli akademik berkaitan isu had bidang kuasa di sini. Senario ini turut memberikan impak nyata apabila ia turut menjadi punca wujudnya usaha untuk mencabar keabsahan perundangan jenayah syariah yang telah digubal di peringkat negeri.

Senarai Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah jelas memperuntukkan kuasa kepada Badan Legislatif Negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Islam. Namun, kedua-dua istilah 'hukum Syarak' serta 'undang-undang diri' ini dilihat tidak mampu membawa kepada ruang lingkup yang jelas dengan penggunaan kata penghubung 'dan'. Sungguhpun begitu, umum mengetahui bahawa sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, perundangan syariah dan hukum Syarak telah ditafsirkan serta dianggap oleh dunia perundangan sivil di Malaysia setakat mencakupi skop yang amat terhad. Ini dapat dilihat melalui tafsiran oleh mahkamah dalam kes-kes terdahulu seperti *Che Omar Che Soh v PP [1988] 2 MLJ 55*. Mahkamah dalam kes ini telah mentafsirkan bahawa konteks bidang kuasa terhadap perundangan Islam ini terhad kepada perihal berkaitan perkahwinan, penceraian dan pewarisan harta. (Shamrahyu A. Aziz 2007).

Kekaburan dalam menentukan had bidang kuasa Dewan Undangan Negeri turut dilihat melalui frasa kedua Senarai Negeri yang memberi kuasa kepada Badan Legislatif Negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan 'pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu'. Jika ditelusuri frasa ini, ia gagal memberi tafsiran yang jelas terhadap jenis kesalahan jenayah Syariah yang mencakupi ruang lingkup bercanggah dengan perintah agama Islam atau apa yang turut diistilahkan sebagai *against the precepts of Islam*. Frasa perintah agama Islam ini sering menjadi perbincangan kerana tiada takrifan yang jelas di sisi undang-undang tentang maksud "bercanggah dengan perintah agama Islam". Mahkamah melalui kes *Sulaiman Takrib v Kerajaan Negeri Terengganu [2009] 6 MLJ 354* telah mentakrifkan kesalahan yang bertentangan dengan perintah agama Islam meliputi perkara berkaitan aqidah, Syariah, akhlak dan *fiqh*. Takrifan ini jelas menunjukkan bahawa Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa mutlak untuk menggubal perundangan yang berkaitan dengan kesalahan yang bertentangan dengan perintah agama Islam termasuk kesalahan melibatkan aqidah, Syariah, akhlak dan *fiqh* (Shad Salem Faruqi 2020; Sulaiman Takrib v Kerajaan Negeri Terengganu [2009] 6 MLJ 354).

Walau bagaimanapun, kekaburan frasa tersebut telah dijadikan sebagai satu peluang dan ruang bagi pihak yang berkepentingan untuk mencabar keabsahan peruntukan jenayah Syariah yang telah digubal di peringkat negeri. Rujukan boleh dilakukan melalui kes-kes terdahulu seperti Muhammad Juzaili bin Mohd Khamis & Ors v State Gov of Negeri Sembilan & Ors [2014] MLJU 103, Iki Putra bin Mubarak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323 dan Nik Elin Zurina binti Nik Abdul Rashid & 1 lagi v Kerajaan Negeri Kelantan [2024] 3 MLRA 1. Persamaan nyata bagi kesemua kes yang dirujuk di atas adalah, permohonan dibuat bagi mencabar peruntukan di bawah enakmen jenayah Syariah

negeri atas faktor Badan Legislatif Negeri tidak mempunyai bidang kuasa untuk menggubal perundangan tersebut. Hal ini kerana, Badan Legislatif Negeri tidak boleh menggubal sebarang peruntukan undang-undang jenayah syariah yang bertindan mahupun bercanggah dengan mana-mana peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang jenayah persekutuan. Malah sebarang pertindanan atau percanggahan yang melibatkan kedua-dua bidang kuasa tersebut akan mengakibatkan peruntukan undang-undang jenayah syariah di peringkat negeri dianggap tidak berperlembagaan serta terbatal.

Justeru, penulisan ini menganalisis kekaburan dalam peruntukan undang-undang di atas. Penulisan ini juga mengenal pasti implikasi yang timbul daripada kekaburan had bidang kuasa Badan Legislatif Negeri dalam menggubal peruntukan kesalahan jenayah syariah.

## METODOLOGI

Penulisan ini adalah kajian perundangan tulen yang mengguna pakai kaedah dokumen analisis. Kesemua data berkaitan bidang kuasa Badan Legislatif Negeri dalam penggubalan kesalahan jenayah syariah serta prinsip syariah adalah dianalisis secara kualitatif (Azlina Abdul Aziz et. al. 2020). Data primer dan sekunder yang diambil dari buku-buku, artikel, jurnal, keratan akhbar, statut perundangan seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta dan Enakmen Negeri serta kes-kes berkaitan dikumpul melalui kajian perpustakaan dan kemudiannya dianalisis kandungannya secara kritis untuk mengenal pasti permasalahan dan dapatan serta mencadangkan cadangan penyelesaian (Mohd Kamel Mat Salleh et.al. 2021).

## DAPATAN KAJIAN

### PRINSIP SYARIAH BERKAITAN KESALAHAN JENAYAH

Perundangan jenayah Syariah merangkumi satu set perundangan di mana penggubalan dan penguatkuasaannya dirujuk kepada prinsip Syariah yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Asasnya dapat dilihat dalam Al-Quran di mana penguatkuasaan perundangan jenayah Syariah adalah bertujuan untuk melindungi dan memelihara kehormatan individu kerana manusia makhluk paling mulia di sisi Allah SWT.

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾  
(٧٠)

Maksudnya : Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang lain. (Al-Isra': 70)

Asas pensyariatkan penggubalan perundangan jenayah Syariah juga dilihat melalui prinsip yang telah digariskan dalam Al-Quran dan hadith yang memberi penekanan terhadap konsep *al amar bil ma'ruf wannahyu 'anil mungkar* yang bererti menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Rujukan dibuat melalui surah Al-Imran ayat 104 dan hadith Riwayat Muslim.

(وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤)

Maksudnya : Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya. ( Al-Imran : 104)

“Dari Abu Sa’id Al Khudri R.A berkata: Saya mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: Siapa yang melihat kemungkaran maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka ubahlah (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman.(Muslim : 78)

Dalil pensyariaan di atas jelas menyatakan tanggungjawab setiap individu Muslim untuk mencegah kemungkaran dengan melakukan kebaikan atau mengajak kepada kebaikan. Prinsip ini selaras dengan objektif penggubalan undang-undang jenayah Syariah yang bertindak sebagai sebuah medium untuk mengawal dan mencegah kemungkaran. Rentetan daripada konsep *al amar bil ma’ruf wannahyu ‘anil mungkar*, prinsip Syariah telah menekankan keperluan untuk mengawal selia kehidupan manusia melalui prinsip dan perundangan jenayah Syariah yang bercirikan hudud, qisas dan ta’zir.

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا

Maksudnya : Itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya.(Al-Baqarah : 187)

Seperkara lagi berkaitan konsep *al amru bil makruf wannahyu ‘anil mungkar* di atas ialah, perundangan jenayah Syariah menitikberatkan prinsip keadilan dalam mensabitkan sesuatu hukuman dan melarang hambaNya daripada mencari-cari kesalahan orang lain dan jauhi syak wasangka.

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَ لَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْنَاهُ وَأَتَقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ١٢)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa.( Al Hujurat: 12)

Dalam mentafsirkan ayat tersebut, Al-Qurtubi merujuk perkataan ‘sangkaan’ kepada *al-tuhmah* yang daripada segi bahasa membawa maksud tuduhan dan pertuduhan ke atas seorang individu hanya boleh dibuat jika terdapat bukti atau sebab yang jelas. Ini turut dilihat melalui sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang turut melarang umat Islam daripada berburuk sangka (Jabatan Mufti Negeri Perlis 2022):

Maksudnya: Jauhilah kamu dari berprasangka buruk, kerana sesungguhnya berprasangka buruk itu adalah ucapan yang paling dusta. (Al Nawawi 1991)

Ternyata Islam melarang umatnya daripada mencari aib serta berburuk sangka sesama manusia. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat bukti dan keterangan yang mencukupi maka sudah semestinya prinsip syariah membenarkan sesuatu penyiasatan itu dilakukan terhadap suspek yang disyaki melakukan kesalahan jenayah syariah untuk mencegah kemungkaran yang dilakukannya (Shamrahayu A. Aziz 2016).

Prinsip syariah turut memberi penegasan bahawa seseorang yang didakwa melakukan suatu kesalahan jenayah itu hanya wajar disabitkan sekiranya dibuktikan melalui keterangan bahawa perbuatan jenayah itu telah dilakukan dengan niat. Ini sejajar dengan kaedah yang telah dikeluarkan oleh para ulama' iaitu:

الْأَمُورُ بِمَقَاصِدِهَا

Maksudnya: Setiap perkara itu berdasarkan (dinilai) tujuan-tujuannya.

Kaedah ini *thabit* dalam nas-nas syara' antaranya dapat dilihat melalui sebuah hadith Riwayat al-Bukhari dan Sahih Muslim di mana Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: Sesungguhnya amalan itu adalah dengan niat (Al Nawawi 2018).

Berdasarkan nukilan hadith dan kaedah fiqh di atas, dapat difahami dengan baik bahawa elemen niat memainkan peranan yang penting dalam menentukan takat hukuman yang wajar dijatuhkan kepada seorang individu.

Secara keseluruhannya, ternyata Islam telah menggariskan prinsip Syariah yang jelas dalam keperluan untuk mengawal selia kehidupan masyarakat melalui penguatkuasaan perundangan jenayah syariah. Penguatkuasaan tersebut meliputi aspek penyiasatan untuk mengumpul keterangan, aspek pendakwaan yang melibatkan pengemukaan keterangan terhadap tertuduh yang didakwa serta pensabitan dan penghukuman ke atas tertuduh yang dibuktikan bersalah. Kesemua proses di atas melibatkan pembuktian keterangan secara konklusif dalam membuktikan penglibatan individu tersebut dalam sesuatu jenayah Syariah. Pensyariatan ini jelas menekankan prinsip keadilan bahawa seseorang individu wajar untuk dianggap tidak bersalah melainkan jika terdapat bukti yang kukuh menyatakan sebaliknya. Ia sejajar dengan kaedah fiqh yang berbunyi:

الأصل براءة الذمة

Maksudnya: Asalnya seseorang itu adalah tidak bersalah.

Melalui kaedah fiqh di atas, jelaslah bahawa seseorang individu dianggap tidak bersalah sehingga disabitkan ke atasnya satu kesalahan oleh hakim atau mahkamah setelah mengambil kira segala prosedur dan keterangan (Wafaa' Yusof et al. 2016).

#### KUASA PENGUBALAN PERUNDANGAN JENAYAH SYARIAH

Sistem perundangan Malaysia adalah unik kerana menggunakan sistem dwi-perundangan iaitu sistem perundangan berasaskan *common law* dan sistem perundangan Islam yang berasaskan kepada undang-undang Syariah. Kedua-dua sistem ini bergerak seiring dalam konteks sistem kehakiman dan perundangan di Malaysia berdasarkan kuasa yang telah diperuntukkan di bawah perlembagaan Malaysia (Ramizah Wan Muhammad 2024). Bagi pengubalan perundangan Syariah, ia selaras dengan pengiktirafan yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi Persekutuan melalui Perkara 3 (1). Antara kesan pengiktirafan ini dilihat melalui Perkara 11(4) yang membenarkan undang-undang Negeri (termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) untuk menggubal sebarang peruntukan undang-undang untuk mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa

doktrin atau kepercayaan agama dalam kalangan orang yang menganuti agama Islam. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa secara dasarnya perundangan Syariah boleh digubal serta dikuatkuasakan di Malaysia.

Dalam menghormati keistimewaan yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan, penggubalan undang-undang berkaitan agama Islam turut merangkumi hal ehwal jenayah dan substantif. Punca kuasa bagi penggubalan ini dilihat melalui Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan yang memberi kebenaran kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara berkaitan agama Islam yang disebut dalam Senarai Negeri (Shad Salem Faruqi 2019). Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan membenarkan penggubalan perundangan jenayah Syariah yang terhad kepada perkara yang dilakukan oleh penganut agama Islam yang bertentangan dengan perintah agama (*against the precept of Islam*).

Jika difahami konteks perundangan ini dengan baik, jelas bahawa perkara berkaitan perundangan jenayah Syariah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Kuasa yang diperuntukkan ini tidak bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam atau menjadikan perundangan Islam sebagai undang-undang utama Persekutuan. Ini kerana menurut mahkamah melalui kes *Che Omar Che Soh [1998] 2 MLJ 55* perkaitan Islam itu hanya terhad kepada upacara agama sahaja. Namun, mahkamah di dalam kes *Mamat bin Daud [1988] 1 MLJ 119* melihat konsep Islam itu dengan lebih luas yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal perundangan yang terkait dengan kesalahan yang bertentangan ajaran Islam. Jelas bahawa skop perundangan jenayah Syariah yang dibenarkan untuk digubal hanya terhad kepada ruang lingkup perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam semata.

Frasa bertentangan dengan ajaran Islam (*against the precept of Islam*) tidak diperjelaskan oleh mahkamah dalam kes tersebut dan kelompangan ini telah membuka ruang tafsiran secara subjektif. Kekaburan tafsiran tersebut mengakibatkan Badan Legislatif Negeri berpandangan mereka mempunyai kuasa untuk menggubal sebarang peruntukan jenayah Syariah yang pada hemat mereka bertentangan dengan ajaran agama (Shamrahayu A. Aziz 2007). Perkara ini telah menimbulkan perbahasan dalam kalangan pengamal perundangan dan juga ahli akademik. Perdebatan ini mulai reda apabila mahkamah di dalam kes *Sulaiman Takrib [2009] 6 MLJ 354* telah memberikan takrifan yang luas terhadap apa yang membawa kepada perbuatan atau perkara yang bertentangan dengan perintah Islam. YA Tun Abdul Hamid dalam kes ini menyatakan bahawa ia merangkumi semua aspek akidah, Syariah, akhlak dan *fiqh*.

Jika ditelusuri takrifan ini, dapat dilihat bahawa ia masih bersifat umum dan mahkamah tidak menjelaskan maksud bertentangan dengan akidah, Syariah, akhlak dan *fiqh*. Implikasinya, Badan Perundangan Negeri ada ruang membuat interpretasi dalam menentukan perbuatan jenayah Syariah. Namun, peruntukan ini tidak bersifat memberi autonomi penuh di mana had bidang kuasa Badan Perundangan Negeri telah dinyatakan dalam klausa pengecualian yang terdapat dalam butiran 1, Senarai Negeri yang memberi limitasi hanya kepada perkara selain yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.

Secara keseluruhannya, had bidang kuasa Badan Legislatif Negeri yang telah diagihkan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Negeri berkaitan penggubalan perundangan syariah umumnya dan perundangan jenayah syariah khususnya telah membawa kepada penubuhan institusi Mahkamah Syariah. Sudah semestinya ia berjalan seiring kerana Mahkamah Syariah negeri bertindak sebagai badan kehakiman syariah yang akan mendengar serta membicarakan segala hal ehwal berkaitan perundangan Islam yang telah digubal oleh Badan Perundangan Negeri.

## PENUBUHAN DAN BIDANGKUASA MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Penubuhan Mahkamah Syariah adalah sejajar dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Butiran 1, Senarai Negeri menyatakan dengan jelas asas bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhadap kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam butiran tersebut. Tafsiran mudah boleh dibuat dengan menyimpulkan bahawa bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhadap sekadar apa yang digubal oleh Badan Perundangan Negeri di bawah Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah negeri-negeri. Dalam mendapatkan interpretasi yang lebih baik berkaitan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 telah digubal. Akta ini telah memperjelaskan fungsinya iaitu untuk memberi bidang kuasa ke atas Mahkamah Syariah untuk berurusan dengan kesalahan di bawah perundangan Islam (Shamrahayu A. Aziz 2016). Limitasi hukuman yang diperuntukkan oleh Akta ini adalah terhadap kepada penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu atau sebatan yang tidak lebih daripada enam kali sebatan atau gabungan mana-mana hukuman tersebut.

Dalam melindungi hak yang diberikan ke Mahkamah Syariah, Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan telah diperuntukkan. Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan bertindak sebagai satu mekanisme untuk mengelakkan konflik perundangan di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di mana ia memperuntukkan Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah syariah (Zainul Rijal Abu Bakar 2024). Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak memberikan kuasa mutlak ke Mahkamah Syariah kerana Mahkamah Sivil masih diberikan kuasa eksklusif dalam mendengar kes berkaitan semakan kehakiman dan diberi bidang kuasa semakan melalui Mahkamah Persekutuan.

## PERTINDIHAN HAD BIDANG KUASA PERUNDANGAN JENAYAH PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Dunia perundangan jenayah Syariah hari ini menerima tekanan hebat apabila beberapa peruntukan kesalahan jenayah Syariah dicabar keabsahannya. Asas kepada tindakan mencabar kesahan peruntukan tersebut dilihat berpunca daripada berlakunya pertindihan bidang kuasa peruntukan undang-undang jenayah di peringkat negeri dan persekutuan. Pertindihan ini adalah berpunca daripada kekaburan yang terdapat dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri dan Persekutuan. Secara dasarnya, Butiran 4 (h) Senarai Persekutuan telah memperuntukkan kuasa persekutuan untuk menggubal undang-undang jenayah. Manakala, Butiran 1 Senarai Negeri memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal perundangan jenayah yang terhadap kepada kesalahan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam dan tidak termasuk dalam senarai Persekutuan. Jika diteliti dengan baik, tiada takrifan khusus berkaitan apa yang dimaksudkan dengan frasa ‘undang-undang jenayah’ di bawah Senarai Persekutuan dan ‘bertentangan dengan ajaran agama Islam’ di bawah Senarai Negeri. Sekiranya frasa ‘undang-undang jenayah’ di bawah Senarai Persekutuan itu ditafsir secara eksplisit sememangnya ia merangkumi aspek yang luas dan turut merangkumi aspek perundangan jenayah yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri (Muhammad Hafiz Mansor et al. 2021). Ketidakjelasan frasa tersebut mampu membawa kepada pertindihan peruntukan jenayah yang telah digubal di peringkat persekutuan dan negeri. Implikasinya, peruntukan jenayah Syariah yang dilihat bertindan dengan peruntukan di peringkat persekutuan akan terbatal seperti mana yang termaktub di bawah Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan. Namun, kegusaran yang menjadi tumpuan utama dunia perundangan adalah apabila kelompangan ini bertindak sebagai salah satu ruang perundangan jenayah Syariah yang dicabar keabsahannya.

Medium semakan kehakiman sering menjadi metod utama dalam usaha untuk mencabar kesahan perundangan jenayah Syariah. Proses semakan kehakiman pada hari ini telah menjadi polemik dalam konteks perundangan jenayah Syariah di Malaysia kerana ia dijalankan ke atas kes-kes jenayah Syariah yang secara dasarnya perkara tersebut adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah (Noranizan Mohd Sufian et. al. 2017). Selain itu, ia diputuskan di Mahkamah Sivil yang secara dasarnya dalam membuat satu penghakiman tidak sepenuhnya berpaksikan asas perundangan Syariah. Manakala, yang membezakan pendekatan Mahkamah Sivil dan Syariah adalah apabila rujukan kepada Hukum Syarak melalui Al-Quran, hadis, matan kitab menjadi identiti utama Mahkamah Syariah dalam mendengar kes berkaitan agama Islam (Sayidah Asma Basir et. al. 2022).

Antara kes yang melibatkan semakan kehakiman terhadap perundangan jenayah Syariah dapat dilihat melalui kes *Iki Putra bin Mubarak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323*. Iki Putra Mubarrak telah membuat permohonan ke Mahkamah Persekutuan untuk mengisytiharkan bahawa Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 adalah tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Persekutuan dalam kes ini telah menggunakan kuasa yang diberikan dalam Perkara 128 (1) Perlembagaan Persekutuan untuk menentukan kesahan perundangan yang telah dibuat oleh Badan Perundangan Negeri. Dalam penghakimannya, mahkamah menyatakan bahawa kuasa untuk menggubal perundangan berkaitan persetubuhan luar tabi'e itu terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Kesalahan tersebut secara dasarnya berada dalam lingkungan perkara di bawah Senarai Persekutuan berkaitan undang-undang jenayah. YAA Azhar juga melalui penghakimannya dalam kes ini telah mencadangkan sebuah parameter yang jelas mencakupi apa yang dirujuk sebagai kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam di bawah Butiran 1 Senarai Negeri. Perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam itu merangkumi, pertama: kesalahan berkaitan dengan akidah seperti ajaran sesat; kedua: kesalahan berkaitan dengan kesucian agama dan institusi terbabit seperti penghinaan kepada al-Quran dan hadis, serta tidak menghormati bulan Ramadan, dan ketiga: kesalahan berkaitan dengan moral seperti khalwat dan zina (Izawati Wook et al. 2023; *Iki Putra bin Mubarak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323* ).

Persempadanan dari Mahkamah Persekutuan dalam kes *Iki Putra* ini telah mendatangkan kesan yang positif jika dilihat dari sudut pandang perundangan yang sebenar. Keputusan mahkamah ini menggesa pihak berwajib membuat penambahbaikan terhadap perundangan sedia ada supaya tiada lagi isu terkait mencabar keabsahan perundangan jenayah berulang. Kesan dari sudut perlembagaan pula mahkamah telah membantu menentukan takat bidangkuasa Badan Perundangan Negeri dalam menggubal perundangan berkaitan kesalahan jenayah Syariah. Secara tidak langsung, pertikaian berpanjangan berkaitan pertindihan bidang kuasa dalam menggubal perundangan jenayah antara persekutuan dan negeri dapat diselesaikan.

Namun, situasi dunia perundangan pasca kes *Iki Putra* masih sama tanpa reformasi perundangan dijalankan. Perbahasan para ahli akademik dan perundangan menggesa penambahbaikan dijalankan ke atas perundangan jenayah Syariah. Namun, ruang yang sama dalam kes *Iki Putra* digunakan untuk mencabar lebih banyak peruntukan kesalahan jenayah Syariah. Ini dapat dilihat melalui sebuah petisyen permohonan oleh Nik Elin Zurina binti Nik Abdul Rashid dan satu lagi dalam mencabar pelbagai peruntukan jenayah Syariah di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 untuk dibatalkan. Mahkamah Persekutuan telah mengisytiharkan 17 daripada peruntukan yang dicabar adalah terbatal dan tidak sah atas alasan Badan Legislatif Negeri Kelantan telah membuat suatu perundangan yang ia tidak mempunyai kuasa untuk membuatnya (Nik Elin Zurina & Tengku Yasmin Natasha v Kerajaan Negeri Kelantan [2024] 3 MLRA 1).

Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Nik Elin Zurina merupakan puncak kepada kekaburan mengenai bidang kuasa dalam penggubalan undang-undang jenayah di peringkat negeri dan persekutuan. Mahkamah dengan tegas menekankan fungsi utama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan adalah untuk memastikan agar badan legislatif tidak akan melampaui had bidang kuasanya. Senario kes-kes di atas menimbulkan implikasi negatif dan positif. Jika dilihat dari sudut negatif, ia kelihatan menggugat autonomi Badan Perundangan Negeri dalam menggubal perundangan yang berkaitan dengan kesalahan bertentangan dengan ajaran agama Islam. Ini kerana ia mengakibatkan peruntukan undang-undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dicabar keabsahannya. Dalam hal tersebut, sekiranya didapati wujud pertindanan atau pertentangan antara undang-undang jenayah Persekutuan dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri, maka peruntukan di bawah enakmen negeri yang didapati menyalahi Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan itu akan dianggap terbatal serta menyalahi perlembagaan. Sebaliknya sekiranya senario kes-kes di atas ditinjau dari sudut positif, ia bertindak sebagai sebuah medium semak imbang yang efektif. Ia berupaya untuk membantu Badan Perundangan Negeri untuk menambah baik perundangan jenayah Syariah sedia ada sekaligus menutup sebarang ruang untuk mencabar perundangan jenayah Syariah masa hadapan.

#### CADANGAN PENYELESAIAN

Setelah meneliti faktor-faktor yang menjadi ruang kepada peruntukan jenayah Syariah dicabar, penulis menegaskan bahawa terdapat beberapa pendekatan penting yang perlu diambil dalam memastikan polemik ini tidak berterusan. Pendekatan bersifat memperkasakan perundangan jenayah Syariah wajar digunakan dalam memastikan konflik yang wujud pada hari ini tidak bersifat berterusan dan mendatangkan kesan buruk terhadap perundangan Syariah.

#### PINDAAN KE ATAS FRASA HUKUM SYARAK SERTA FRASA KESALAHAN TERHADAP PERINTAH AGAMA DI BAWAH JADUAL KESEMBILAN, SENARAI NEGERI

Penulis menghujahkan terdapat dua frasa dalam Jadual Kesembilan, Senarai Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang perlu dipinda untuk memperjelaskan serta memperkasakan bidang kuasa Badan Legislatif Negeri dalam menggubal peruntukan kesalahan jenayah syariah.

Frasa pertama, 'hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Islam' dalam Jadual Kesembilan Senarai Negeri harus dipinda kepada 'hukum Syarak *berkaitan* undang-undang diri, keluarga dan kehidupan beragama bagi orang yang menganut Islam'. Pindaan tersebut akan memperjelaskan bahawa maksud hukum Syarak merangkumi hal ehwal berkaitan undang-undang diri, undang-undang keluarga serta sebarang hal ehwal lain berkaitan kehidupan beragama seseorang yang menganut agama Islam.

Selain itu, frasa kedua yang menyebut 'pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu' dalam Jadual Kesembilan Senarai Negeri sewajarnya diperjelaskan maksudnya. Penjelasan maksud '...terhadap perintah agama' (*against the precept of Islam*) boleh dilakukan melalui tiga cara. Cara pertama, dengan cara meminda Jadual Kesembilan Senarai Negeri di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan penjelasan tambahan berkaitannya dalam bentuk perenggan baru di bawah tajuk 'Penjelasan' atau 'Explanation'. Penjelasan tambahan ini adalah bagi menjelaskan maksud kesalahan bertentangan dengan perintah agama Islam yang mana sepatutnya meliputi segala bentuk kesalahan terhadap akidah, muamalat, jenayah, kekeluargaan serta pelbagai aspek kehidupan bermasyarakat yang lebih menyeluruh. Tafsiran

sedemikian sudah semestinya selari dengan mafhum prinsip syariah dan kehidupan beragama yang komprehensif yang mana skop serta pengaplikasiannya bersifat jauh lebih luas (Fathi Yakan 1982). Sebaliknya, penjelasan maksud frasa ‘...terhadap perintah agama’ juga boleh dilakukan melalui cara kedua (. Mengikut cara kedua, adalah lebih praktikal sekiranya peruntukan perlembagaan tidak dipinda. Sebaliknya pindaan ke atas Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 boleh dilakukan. Melalui pindaan tersebut, takrifan ‘bertentangan dengan perintah agama Islam’ sebagaimana yang dinyatakan di atas boleh diperjelaskan di bawah Seksyen 2 dengan mengambil rujukan daripada penghakiman YAA Azhar dalam kes Iki Putra Mubarrak (Iki Putra bin Mubarak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323).

Selain pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, penulis dalam masa yang sama turut mencadangkan agar Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan juga dipinda. Perkara 160 menggambarkan tafsiran orang Melayu sebagai seseorang yang beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur dalam Bahasa Melayu serta lahir sama ada di Persekutuan atau Singapura (sebelum hari merdeka) dan bermastautin di Persekutuan atau Singapura (pada hari merdeka) atau ia berketurunan mana-mana individu di atas. Pindaan boleh dibuat dengan memasukkan terma ‘mengamalkan ajaran Islam’ (practicing the precepts of Islam) ke dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan sebagai salah satu identiti orang Melayu. Dengan yang demikian tafsiran ‘orang Melayu’ akan menjadi lebih jelas kerana ia merujuk kepada seseorang yang beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur dalam Bahasa Melayu serta mengamalkan ajaran Islam. Tafsiran ini sudah semestinya selari dengan cadangan pindaan ke atas Jadual Kesembilan Senarai Negeri di atas, serta menyokong pelaksanaan kesemua enakmen kesalahan jenayah syariah, enakmen keluarga Islam serta mana-mana enakmen syariah lain yang memperuntukkan kesalahan yang menyalahi sebarang ajaran dan pegangan Islam dalam skop yang lebih luas (Shahidra Abdul Khalil 2022). Dengan adanya penjelasan tersebut, kuasa mahkamah syariah untuk membicarakan orang Melayu yang beragama Islam yang melanggar sebarang’ kesalahan terhadap pegangan dan ajaran agama Islam’ akan menjadi lebih jelas secara harfinya. Dalam masa yang sama, bidang kuasa Mahkamah Syariah serta perkongsian bidang kuasa Persekutuan dan negeri-negeri juga akan dapat dirangka dengan lebih jelas demi mengelakkan kekaburan dan kekeliruan dalam menentukan takat bidang kuasa masing-masing.

#### PINDAAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH AKTA 355 BERKAITAN TAKAT HUKUMAN BAGI KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

Di samping itu, penulis juga menyarankan peruntukan berkaitan takat hukuman kesalahan jenayah syariah di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dipinda agar ia setaraf dengan hukuman di bawah perundangan sivil. Hakikat yang membezakan dua struktur perundangan ini ialah undang-undang keterangan dan kaedah pembuktian yang digunakan dalam menjatuhkan hukuman. Pendekatan ini akan meningkatkan martabat institusi kehakiman dan imej Mahkamah Syariah. Selaras dengan cadangan peningkatan kadar hukuman, kesemua peruntukan kesalahan jenayah syariah di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri juga harus dipinda serta diselaraskan agar elemen *mens rea* dimasukkan ke dalam kesemua peruntukan kesalahan jenayah syariahnya. Pindaan sedemikian sudah semestinya selari dengan prinsip jenayah syariah sebenar yang mensyaratkan agar kedua-dua perbuatan (*actus reus*) dan niat (*mens rea*) dibuktikan sebelum tertuduh boleh disabitkan. Ini kerana, takat beban pembuktian dan hukuman bagi setiap kesalahan jenayah syariah yang diimplementasikan harus selari dengan takat *mens rea* yang diperincikan (Abdul Qader Audah 1986). Saranan memasukkan serta memperincikan elemen *mens rea* dalam setiap kesalahan jenayah syariah ini sebenarnya amat bertepatan dengan hadith Rasulullah SAW yang turut menekankan pembuktian elemen niat atau *mens rea* sebelum seseorang tertuduh boleh disabitkan dan dihukum (Ahmad Fathi Bahnasi 1991).

## PENAMBAHBAIKAN PROSES SEMAKAN KEHAKIMAN

Proses semakan kehakiman adalah merupakan suatu remedi bagi pihak-pihak yang terkilan. Disebabkan asas kewujudan undang-undang syariah dan mahkamah syariah negeri adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Sivil turut berkuasa untuk melakukan proses semakan kehakiman ke atas perundangan Syariah sama ada berkaitan mal mahupun jenayah syariah (Noranizan Mohd Sufian et. al. 2017). Penulis di sini menegaskan bahawa proses semakan kehakiman di Mahkamah Sivil ke atas hal ehwal berkaitan agama Islam (termasuk isu bidang kuasa Mahkamah Syariah) haruslah diadili mengikut prinsip Syariah yang sebenarnya. Sebagaimana sistem mahkamah syariah yang sentiasa perlu ditambah baik. (Farah Safura Muhammad et. al. 2024), begitu jugalah halnya proses semakan kehakiman itu sendiri yang harus diperkasakan. Di sini penulis menyarankan agar seorang Hakim Mahkamah Syariah perlu dilantik sebagai seorang ahli dalam barisan panel kehakiman. Peranan Hakim Syarie di sini bukanlah sebagai pelengkap kepada korum barisan hakim yang mengadili. Sebaliknya beliau akan bertindak sebagai Penasihat Utama dalam menentukan sesuatu keputusan. Kesanya sebarang penghakiman yang ingin dibuat oleh para panel lain haruslah mengambil kira pandangan Penasihat Utama ini. Di sini, peranan yang dimainkan oleh Hakim Syarie dalam mempertimbangkan, menilai serta memutuskan setiap isu yang diadili di Mahkamah Persekutuan berkaitan hal ehwal agama Islam, pentadbiran Mahkamah Syariah, perundangan syariah serta bidang kuasa mal dan jenayah syariah di peringkat negeri adalah suatu amanah yang besar dan penting untuk dilunaskan (Muhammad Irham Ghifari et. al. 2020). Melalui pendekatan ini, proses semakan kehakiman tersebut akan berjalan dengan penuh keadilan serta merujuk kepada Hukum Syarak melalui Al-Quran, Hadis, matan kitab serta sumber-sumber syariah lain yang muktabar. Adalah signifikan untuk melaksanakan saranan ini dalam usaha memastikan agar kedua-dua proses semakan kehakiman serta keputusannya haruslah mengambil kira prinsip syariah atau hukum Syarak (Muhammad Yusry Affandy 2021). Secara tidak langsung, pendekatan ini dapat mencapai objektif sebenar Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara.

## KESIMPULAN

Perundangan jenayah Syariah telah bertapak dalam sistem perundangan negara sejak sekian lama. Kedudukannya dalam landskap perundangan amat jelas dan ini dapat dilihat melalui ruang yang diberikan kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal perundangan berkaitan kesalahan jenayah Syariah dan penubuhan institusi kehakiman Syariah. Dalam masa yang sama, adalah diakui bahawa kewujudan mahkamah syariah, serta undang-undang syariah umumnya dan undang-undang jenayah syariah khususnya adalah di bawah Perlembagaan Persekutuan itu sendiri serta tertakluk kepada doktrin pengasingan kuasa antara persekutuan dan negeri. Ini sekaligus menjadikan sebarang penggubalan peruntukan enakmen kesalahan jenayah syariah oleh Badan Legislatif Negeri tidak boleh bercanggah atau bertindan dengan mana-mana peruntukan perlembagaan dan undang-undang jenayah persekutuan. Tidak juga dinafikan bahawa sebarang percanggahan mahupun pertindanan akan mengakibatkan peruntukan jenayah syariah tersebut terbatal. Sungguhpun begitu, penulis mendapati sebahagian besar percanggahan serta pertindanan bidang kuasa undang-undang antara Parlimen dan negeri sebenarnya berpunca daripada kekaburan dalam Perlembagaan itu sendiri. Justeru sudah tiba masanya agar peruntukan terbabit dipinda agar bidang kuasa masing-masing dapat diperjelaskan. Dengan itu pencerobohan secara tidak adil ke atas bidang kuasa negeri untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah khususnya dan undang-undang syariah lain umumnya akan dapat dibendung. Langkah tersebut juga akan dapat memastikan agar perundangan

syariah negeri dan Mahkamah Syariah tidak akan melangkaui bidang kuasa Parlimen. Diharapkan kesemua saranan akan menjadi pemangkin ke arah mengangkat martabat agama Islam, perundangan syariah serta Mahkamah Syariah ke peringkat yang lebih tinggi sekaligus menginjak ke arah pematuhan kepada ajaran Islam yang sebenarnya.

#### PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran GGPM-2021-042 dan Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai penerbitan artikel ini.

#### SUMBANGAN PENGARANG

Artikel ini hasil sumbangan analitikal yang signifikan kepada isu bidang kuasa jenayah mahkamah syariah yang sedang hangat dipersoalkan oleh sebahagian pengamal undang-undang sivil di Malaysia. Nur Ain Mohd Sabirin, Ahmad Azam Mohd Shariff dan Mohamad Azhan Yahya sama-sama menyumbang kepada pengumpulan dan penganalisisan data serta penulisan artikel ini.

#### RUJUKAN

- Abdul Qader Audah. 1986. *Al Tasyrii' al Jinaa'ie al Islami*. Jil. 1. Beirut: Muassasah al Risalah.
- Ahmad Fathi Bahnasi. 1991. *Al Mausuu'ah al Jinaa'iyyah fi al Fiqh al Islaami*. Beirut: Dar an Nahdhah.
- Al Nawawi. 1991. *Riyaadhuss Solihiin*. Beirut: Dar al Fikr.
- Al Nawawi. 2018. *Al Kafi: Syarah Hadis 40 Imam al Nawawi & Tatmim al Kafi*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Anwarullah. 2021. *The Criminal Law of Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen .
- Azlina Abdul Aziz, & Hamidah Yamat. 2020. *Qualitative Research Design: The Researcher's Choice & Consideration*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farah Safura Muhammad, Rafeah Saidon, Ahmad Faizal Ramly, Norazla Abdul Wahab & Nur Ain Nazifa Mohd Zawawi. 2024. The Need to Improve the Family Cases Management System in Malaysia's Syariah Courts, *Akademika 94 (1) 2024*: 107-117.
- Fathi Yakan. 1982. *Maza Ya 'nii Intimaa'i Li al Islaam*. Beirut: Muassasah al Risaalah.
- Iki Putra bin Mubarak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323.
- Izawati Wook, Intan Nadia Ghulam Khan, & Arif Fahmi Md Yusof. 2023. Ulasan Kes: Iki Putra bin Mubarrak lwn. Kerajaan Negeri Selangor [2021 2 MLJ 323 (Bidang kuasa Badan Perundangan Negeri dan Undangundang Berkaitan dengan Kesalahan terhadap Perintah Agama Islam). *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 35(2), 379–388.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. 2022. Islam Melarang Berburuk Sangka. In *Tazkirah Direnjis Menghiasi Majlis*, pp. 51–54. Perlis: Majlis Agama Islam Perlis.
- Mat Saad Abd. Rahman. 1993. *Undang-Undang Jenayah Islam: Jenayah Hudud*. Shah Alam: Hizbi Sdn.Bhd.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori and Mohamad Azhan Yahya. 2021. Position of Fatwa in Constitution: A Legal Analysis. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, Volume 29, Issue 4: 2171-2188.
- Muhammad Fathi Yusof, & Ahmad Nazri Mansur. 2014. *Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei*. 133–150.

- Muhammad Hafiz Mansor, & Muhammad Fathi Yusof. 2021. Ulasan Kes Iki Putra Dalam Kes Liwat dan Harmonisasi Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. In *Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)*.
- Muhammad Irham Ghifari, Adha Saputra & Taufik CH. 2020. Perspektif Amanah Dalam Al Qu'ran. *Zad Al Mufassirin: Jurnal Ilmu Al Quran dan Tafsir*, 2 (2), 143-160.
- Muhammad Yusry Affandy Md Isa. 2021. Amanah dalam Pekerjaan Menurut Tafsir al Tabari. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1 (2), 58-74.
- Nik Elin Zurina & Tengku Yasmin Natasha v Kerajaan Negeri Kelantan [2024] 3 MLRA 1
- Noranzan Mohd Sufian, Narizan Abdul Rahman, & Mazni Abdul Wahab. 2017. Semakan Kehakiman Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia: Ulasan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 2(2): 171-188.
- Ramizah Wan Muhammad. 2024. Ulasan Perundangan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) (Negeri Kelantan) 2019 Pandangan Sepintas Lalu. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(1): 145-152.
- Sayidah Asma Basir, Muhammad Remy Othman, & Zulzaidi Mahmod. 2022. Penulisan Alasan Penghakiman dan Prosedur di Mahkamah Syariah Berpandukan Hadis: Analisis Pemakaian dan Pengecualian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(11): 1-12.
- Shahidra Abdul Khalil. 2022. Pendekatan Siyasah Syar'iyah dalam Menangani Isu Perundangan Jenayah Semasa di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 19 (2), 157-188.
- Shad Salem Faruqi. 2019. *Our Constitution*. Subang Jaya: Thomson Reuters Asia Sdn Bhd.
- Shad Salem Faruqi. 2020. Between Two Shores: Courts, the Constitution and Shariah. *Singapore Academic of Law Journal (Special Issue)*, 32: 415-457.
- Shamrahayu A. Aziz. 2007. Islamic Criminal Law in The Malaysian Federal Structure: A Constitutional Perspective. *IIUMLJ*, 15(101): 101-120.
- Shamrahayu A. Aziz. 2016. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Berkaitan Hukuman. In *Isu Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia* (Cetakan Pertama, p. 27). Kuala Lumpur: Legasi Press Sdn. Bhd.
- Shamrahayu A. Aziz. 2016. Falsafah Undang-Undang Jenayah Islam dan Penguatkuasaannya. In *Isu Penguatkuasaan Undang-Undang jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Takrib v Kerajaan Negeri Terengganu (Kerajaan Malaysia, intervener) and other applications [2009] 6 MLJ 354.
- Wafaa' binti Yusof, & Anita Abdul Rahim. 2016. Tatacara Penahanan Pra Perbicaraan Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis Menurut Pandangan Fuqaha. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1): 39-54.
- Zainul Rijal Abu Bakar. 2024. Perundangan Islam dari Sorotan Sejarah. *CLJ*, 1: 1-14.

Nur Ain Mohd Sabirin  
Afandi Dahari & Associates  
No 38B, Tingkat, 2, Jalan Seri Putra 1/4  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
Emel: [nurainmohdsabirin@gmail.com](mailto:nurainmohdsabirin@gmail.com)

Ahmad Azam Mohd Shariff,  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Emel: [aazam@ukm.edu.my](mailto:aazam@ukm.edu.my)

Mohamad Azhan Yahya (Penulis koresponden)  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
Emel: [azhan@ukm.edu.my](mailto:azhan@ukm.edu.my)